

U 8808 DEB
MAHATHIR - KEMISKINAN

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- KEMISKINAN PETANI, GOLONGAN YANG DIANGGAP PALING MISKIN DI NEGARA INI HANYA DAPAT DIATASI DENGAN +MENGUBATI+ PUNCANYA, IAITU BERTANI ATAS TANAH YANG KELUASANNYA TIDAK EKONOMIS, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA, BAGI MENGHAPUSKAN PUNCA KEMISKINAN, PETANI HARUS SANGGUP MENGGABUNGAN TANAH MEREKA YANG KECIL SUPAYA MENJADI LADANG YANG BESAR.

KATANYA, PEMBERIAN SUBSIDI, BANTUAN BAJA DAN JENTERA OLEH KERAJAAN SELAMA INI SEBENARNYA TIDAK DAPAT MENGUBATI PUNCA KEMISKINAN, CUMA MERINGANKAN BEBAN KAUM TANI SAHAJA.

+JIKA SESEORANG ITU SAKIT KEPALA, UBAT SAKIT KEPALA BOLEH MENYEMBUHKANNYA TETAPI SAKIT ITU DATANG SEMULA KERANA PUNCA SAKIT KEPALA SEPerti DARAH TINGGI ATAU BARAH DALAM OTAK TIDAK DIUBATI,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN JAGUNG DI MUZIUM NEGARA HARI INI.

PAMERAN 20 HARI ITU DIANJURKAN OLEH KEMENTERIAN PERTANIAN DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN SERTA MUZIUM NEGARA. -- LAGI
2017MST 13 04 88

U 8809 DEB
MAHATHIR - KEMISKINAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TANDA AWAL PUNCA +PENYAKIT+ PETANI ITU IALAH KELUASAN TANAH YANG TIDAK EKONOMIS.

KATANYA, PERTANIAN SECARA LADANG YANG DIURUSKAN DENGAN CEKAP OLEH TENAGA IKHTISAS DAPAT MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN SERTA MENINGKATKAN HASIL PERTANIAN.

MALANGNYA PENGURUSAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA YANG MENGIKUT CARA INI HANYA DIAMALKAN DALAM BIDANG PERTANIAN KOMODITI SEPerti GETAH, KOKO DAN KELAPA SAWIT, TAMBAHNYA.

MANAKALA SEKTOR PERTANIAN YANG MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN MAKANAN MASIH MENGAMALKAN CARA LAMA, IAITU ATAS TANAH YANG KECIL UKURANNYA DAN INI TIDAK MEMBERI PULANGAN EKONOMI YANG SEPATUTNYA, KATANYA.

+AKIBATNYA, PETANI NEGARA MASIH MERUPAKAN GOLONGAN YANG DIANGGAP TERMISKIN WALAUPUN KINI MEREKA TIDAKLAH SEMISKIN DULU,+ KATANYA. -- LAGI
2023MST 13 04 88

MAHATHIR - KEMISKINAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KERAJAAN TIDAK BERNIAT MERAMPAS TANAH MANA-MANA PIHAK TETAPI KITA TIDAK BOLEH MENGUBATI KEADAAN TANPA PERUBAHAN YANG RADIKAL DAN AIR MATA DARAH SEKALIPUN TIDAK DAPAT MENGUBAH NASIB PETANI JIKA MEREKA TIDAK MENERIMA PERUBAHAN+.

MENURUTNYA, JIKA KAUM TANI ENGGAN MENGAMALKAN PERTANIAN SECARA BERLADANG, LADANG-LADANG BAHARU YANG HENDAK DIWUJUDKAN MESTI DIADAKAN BERHAMPIRAN TANAH KECIL MILIK PETANI SUPAYA DAPAT MEMBANTU MEREKA.

BELIAU JUGA MENINGATKAN PARA PENGELUAR BAHAN MAKANAN YANG BERUSAHA MENGGANTIKAN MAKANAN IMPORT DENGAN KELUARAN MEREKA SUPAYA CERMAT MEMILIH JENIS BAHAN YANG DIKELUARKAN SUPAYA TIDAK MENIMBULKAN MASALAH IMBANGAN PERDAGANGAN DENGAN NEGARA LAIN.

BELIAU, SEMENTARA ITU, BERKATA TANAMAN JAGUNG SECARA PERDAGANGAN, MEMPUNYAI POTENSI KERANA JAGUNG JUGA BOLEH MENGELUARKAN GULA DAN MINYAK MASAK.

BAGAIMANAPUN, INDUSTRI ITU PATUT DIUSAHAKAN DENGAN KOS PENGURUSAN YANG CEKAP AGAR DAPAT BERSAING DI PASARAN LUAR.

YANG TURUT MENGHADIRI UPACARA ITU IALAH MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID, DAN MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK. -- BERNAMA